From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Wednesday, 8 February, 2023 9:34:40 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: HAMPIR SEDEKAD SIAPKAN NASKAH ILMIAH MUZIK ISLAM DI MALAYSIA

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

8 FEBRUARI 2023 / 17 REJAB 1444H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

HAMPIR SEDEKAD SIAPKAN NASKAH ILMIAH MUZIK ISLAM DI MALAYSIA















UUM ONLINE: Kuala Lumpur - Hampir 10 tahun menyiapkan naskah legasi ilmiah, akhirnya selebriti nasyid tanah air, Dr. Fitri Haris melancarkan buku bertajuk ‘Popular Music: Making Islamic Popular Music in Malaysia From Traditional Approach to Contemporary Design’.

Beliau yang merupakan pensyarah kanan di Universiti Utara Malaysia (UUM) itu mengambil masa selama tujuh tahun untuk membuat kajian secara mendalam yang melibatkan lebih 45 orang penggiat industri muzik di Malaysia serta dua tahun untuk proses penilaian dan suntingan, menjadikannya 9 tahun bagi menyiapkan naskhah tersebut.

Karya ilmiah terbitan UUM Press itu merupakan buku etnomusikologi komprehensif pertama seumpamanya di dunia dan di Malaysia yang memberikan kajian mendalam tentang kesan sosiologi dan antropologi muzik popular Islam di negara ini.

Dr. Fitri berkata, beliau gembira akhirnya buku yang dihasilkan selama sembilan tahun itu berjaya diterbitkan setelah melalui pelbagai peringkat termasuk penilaian dalaman dan luar.

Menurutnya, untuk menerbit atau menghasilkan karya ilmiah perlu mengikut polisi atau 'guideline' tertentu dari awal hingga akhir.

Lebih mengujakan apabila buku beliau itu merupakan satu-satunya buku di Malaysia dan dunia yang menceritakan tentang muzik Islam (Islamic music) secara komprehensif berdasarkan penilai panel luar.

"Ini membuatkan saya lebih bersemangat dan teruja untuk menyebar luas buku ini bukan sahaja menyasarkan golongan Muslim, malah semua peringkat tanpa mengira latar belakang dan agama.

"Di dalam buku ini, saya mengupas dan menjelaskan tentang apa itu nasyid..muzik Islam. Malah, buku ini juga tidak eksklusif untuk Muslim sahaja tetapi ia ditulis untuk ilmu yang tidak terikat kepada sesiapa," katanya yang turut merancang untuk mempromosikan buku tersebut ke pasaran luar negara.

Buku ini sarat dengan informasi berkenaan nasyid serta artikel ilmiah muzik dalam Islam dan mengenal pasti peranan yang dimainkan oleh globalisasi dalam membentuk muzik popular Islam.

Pelancaran buku itu disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof. Dr. Ahmad Martadha Mohamed di UUM Kampus Kuala Lumpur (UUMKL), semalam.

Dalam ucapan Ahmad Martadha berkata, majlis tersebut besar maknanya kepada warga UUM kerana buku yang diterbitkan itu adalah satu sumbangan besar kepada UUM dan industri muzik tanah air.

"Suatu hakikat yang tidak dapat diketepikan bahawa penulisan ahli akademik menjadi tunjang kepada kecemerlangan dunia akademik ilmiah.

"Bertitik tolak daripada itu, Dr. Mohamad Fitri Mohamad Haris dari Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA) merakamkan dengan penuh kesungguhan, minat dan bakat yang mendalam tentang dunia muzik dalam bukunya.

"Buku karya ilmiah ini merupakan karya ilmiah yang boleh dijadikan sebagai modul muzik terutamanya nasyid yang bersifat komprehensif yang pertama seumpamanya," ujarnya.

Tambah beliau, kerjasama yang boleh dijalin antara industri muzik dengan bidang akademik, keandalan dan kemapanan industri muzik boleh dipertingkatkan lagi melalui kolaborasi dalam kedua bidang ini, sekali gus membawa manfaat bersama bukan hanya kepada industri malah akademik.

Beliau turut menyarankan agar lebih ramai pengarang dapat menghasilkan karya ilmiah sebegini yang boleh beri impak kepada negara mencapai kecemerlangan.

Buku tersebut boleh didapati pada harga RM50 dan potongan harga diberikan kepada mereka yang membeli melalui laman web UUM Press atau boleh terus menghubungi pihak pengurusan Dr. Fitri Haris di talian 011-2668 4664 untuk membuat pesanan.



UUM Consider
UUM Footer

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.